

WIEF undang negara bukan Islam sebagai peserta — Musa

UM 23 JUN 2005
KUALA LUMPUR 22 Jun — Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF), yang akan diadakan selama tiga hari mulai 1 Oktober ini mengundang negara-negara bukan Islam sebagai peserta, bagi menjadikannya sebuah forum yang bersifat global.

Pengerusi Bersama WIEF, Tan Sri Musa Hitam berkata, ia bertujuan menjadikan WIEF satu jaringan kesatuan yang kukuh bagi melaksana pembangunan dan kemajuan untuk faedah umat Islam di seluruh dunia.

Ketika memberi taklimat kepada pegawai-pegawai kedutaan dan media mengenai WIEF di sini hari ini, beliau berkata, penyertaan negara-negara bukan Islam boleh menjadikan forum itu sebagai satu suara bagi menyuarakan masalah yang dihadapi oleh umat Islam di seluruh dunia.

WIEF, yang julung-julung kali diadakan itu, ialah kesinambungan kepada kejayaan dua Forum Perniagaan Persidangan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) pada 2003 dan 2004.

Forum itu yang bertujuan mengukuhkan perniagaan dan kerjasama ekonomi antara negara anggota OIC merupakan satu daripada 10 resolusi yang diluluskan pada Forum

Perniagaan OIC kedua yang berlangsung di Kuala Lumpur pada Oktober tahun lepas.

Kali ini 800 peserta terdiri daripada wakil pertubuhan bukan kerajaan, pemimpin masyarakat dan ahli ekonomi dari negara anggota OIC dan bukan Islam dijangka menghadiri forum itu, yang dijadual dirasmikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Majlis penutup forum itu dijadual disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Musa juga mencadangkan supaya WIEF memperluaskan rangka kerjanya menjadi sebuah institusi seperti Forum Ekonomi di bawah Kesatuan Eropah (EU) bagi memastikan keberkesanannya.

Katanya, langkah itu boleh menjadikan organisasi WIEF lebih tersusun dengan sebuah sekretariat bertanggungjawab merangka dan melaksanakan strategi-strategi.

“Melalui cara ini, kita dapat bersatu, mewujudkan koordinasi dan berinteraksi bagi melaksanakan projek bagi faedah umat Islam di seluruh dunia.

“Ia juga boleh mengelakkan berlaku pertindihan daripada segi dasar dan pelaksanaan projek,” katanya.